

Interprestasi Makna Metafora Dalam Akhbar Pada Ruangan Politik: Satu Analisis Teori Relevans

Interpretation of Metaphorical Meanings in Political Columns: A Relevance Theory Analysis

Syahirah Alias
¹Siti Noraini Hamzah

Program Linguistik,
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence email: ¹snoraini@ukm.edu.my

ABSTRAK

Metafora Melayu dibentuk melalui kaedah atau proses perumpamaan atau perbandingan atau jenis yang bersifat analogis, kiasan, bidalan yang disampaikan melalui pelbagai jenis simpulan bahasa, peribahasa, pepatah, mitonomi atau personafikasi. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti metafora yang terdapat dalam akhbar, mengkategorikan metafora menggunakan pengkategorian yang sesuai dan menginterpretasi makna metafora yang digunakan dengan menggunakan teori Relevans. Kebanyakan kajian berkenaan metafora yang dijalankan adalah berkaitan dengan karya penulisan novel, penulisan pantun, syair dan sebagainya. Kajian metafora yang berkait dengan akhbar kurang dijalankan oleh mana-mana pengkaji. Percanggahan pendapat antara pengkaji-pengkaji bahasa dalam menentukan takrifan sebenar bagi metafora menyebabkan kesukaran dalam mengenal pasti metafora. Data dalam kajian ini diambil daripada akhbar Utusan Malaysia pada ruangan politik. Kemudian data tersebut dianalisis dengan menggunakan Teori Relevans. Hasil dapatan menunjukkan bahawa metafora mempunyai gambaran melalui keserupaan dan lebih mudah difahami secara berkonteks. Penggunaan metafora dalam teks akhbar ini juga dapat memberi kesan kepada pembaca untuk mengetahui situasi politik yang sebenar. Oleh itu, jelaslah bahawa kandungan akhbar dapat ditafsir dengan baik dari sudut pragmatiknya jika ia dilakukan berdasarkan konteks yang difahami oleh pembaca.

Kata kunci: Metafora, teori Relevans, interpretasi, akhbar, politik

ABSTRACT

Malay metaphors are formed through methods or processes of similes or comparisons, or types that are analogical, figurative, proverbial, conveyed through various types of idioms, proverbs, sayings, metonymy, or personification. The purpose of this study is to identify metaphors found in newspapers, categorize the metaphors using appropriate categorization, and interpret the meanings of the metaphors used through Relevance Theory. Most studies on metaphors are related to literary works such as novels, pantun, syair, and so on. Studies on metaphors related to newspapers are less frequently conducted by researchers. The differing opinions among language researchers in defining the actual meaning of metaphors cause difficulties in identifying metaphors. The data for this study is taken from the Utusan Malaysia newspaper in the political section. The data is then analyzed using Relevance Theory. The findings show that metaphors depict similarities and are more easily understood contextually. The use of metaphors in

newspaper texts can also impact readers' understanding of the actual political situation. Therefore, it is clear that newspaper content can be well interpreted pragmatically if it is done based on the context understood by the readers.

Keywords: *Metaphor, Relevance Theory, interpretation, newspaper, politics*

1. Pengenalan

Pengkajian terhadap makna metafora ini melibatkan penginterpretasian makna yang tergolong dalam bidang semantik. Pemberian makna di peringkat semantik hanya terhad kepada pemberian makna di peringkat bentuk logik sementara penginterpretasian makna di peringkat pragmatik lebih kepada pemberian maklumat-maklumat bukan linguistik seperti konteks yang benar-benar membantu pendengar mendapatkan makna yang sebenarnya seperti yang dikaji oleh Nor Hashimah Jalaluddin (1991). Oleh demikian, teori Relevans digunakan bagi memberi penginterpretasian makna dalam kajian ini.

Makna adalah apa yang dimaksudkan oleh sesuatu ujaran dan tulisan. Tanpa makna, maka apa sahaja yang diucapkan atau dituliskan tidak memberi sebarang kefahaman kepada pembaca. Kajian ini mengkhususkan kepada teks tulisan yang melibatkan penulis dan pembaca. Dalam kajian makna metafora ini, teks yang dipilih sebagai data kajian adalah teks yang terdapat pada ruangan politik dalam akhbar. Teks akhbar ini tergolong dalam laras bahasa umum. Laras bahasa umum merupakan suatu laras yang mudah difahami oleh semua peringkat masyarakat seperti yang dikaji oleh Kamaruddin Husin (1995). Metafora Melayu dibentuk melalui kaedah atau proses perumpamaan atau perbandingan atau jenis yang bersifat analogis, kiasan, bidalan yang disampaikan melalui pelbagai jenis simpulan bahasa, peribahasa, pepatah, mitonomi atau personifikasi. Proses pemikiran manusia bersifat bebas dan terbuka kerana orang Melayu sering memilih perkataan berdasarkan kreativiti pemikiran mereka dalam menggambarkan mesej yang hendak disampaikan.

Kajian ini mengkaji penggunaan metafora dalam teks akhbar Utusan Malaysia pada ruangan politik. Sejarah akhbar di Malaysia bermula sejak zaman sebelum kemerdekaan, di mana akhbar berperanan penting sebagai medium penyebaran informasi, ideologi dan pengaruh terhadap pendapat umum. Dari era akhbar cetak sehingga ke zaman digital, industri akhbar di Malaysia telah mengalami evolusi yang ketara. Akhbar dalam bahasa Melayu yang pertama diterbitkan pada tahun 1876 di Singapura dikenali sebagai Jawi Peranakan. Kandungan akhbar berbahasa Melayu pertama ini hanya memaparkan bahan bacaan yang cukup terbatas. Akhbar ini hanya terbit dalam empat halaman dan hanya menyiarkan berita-berita tempatan secara ringkas, petikan-petikan berita luar negara dan surat-surat daripada pembaca. Pertumbuhan akhbar dalam bahasa Melayu pada awal abad ke-20 di Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura amat perlahan berbanding dengan majalah. Hanya terdapat dua buah akhbar diterbitkan iaitu Utusan Melayu yang diterbitkan pada tahun 1907 di Singapura yang bertahan sehingga tahun 1921 dan Lembaga Melayu yang diterbitkan pada tahun 1914 sehingga 1931 juga diterbitkan di Singapura. Justeru itu, tujuan penulisan artikel ini adalah untuk mengenal pasti metafora yang terdapat dalam teks akhbar Utusan Malaysia, mengkategorikan metafora menggunakan pengkategorian yang sesuai dan menginterpretasi makna metafora yang digunakan dengan menggunakan teori Relevans.

2. Sorotan Literatur

Pengkaji memperlihatkan kajian-kajian lepas berkaitan metafora yang telah dikaji oleh penyelidik-penyelidik terdahulu. Dengan adanya kajian lepas ini, pengkaji dapat melihat kelemahan dan aspek-aspek yang tidak disentuh oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Di samping itu, pengkaji juga boleh mengadaptasikannya ke dalam kajian ini.

2.1 *Kajian Metafora Bersifat Umum*

Ungkapan metafora teks terjemahan al-qur'an bahasa sunda surah al-baqarah: analisis semantik kognitif merupakan kajian yang ditulis oleh Shifa Nur Zakiyah dan Tajudin Nur (2021). Kajian ini bertujuan untuk mendeskripsikan ungkapan metafora dalam Al-Qur'an terjemahan bahasa Sunda, khususnya pada surah Al-Baqarah, melalui lensa semantik kognitif. Objektif utama daripada kajian ini adalah untuk mengidentifikasi dan mendeskripsikan jenis-jenis metafora dan skema citra yang terdapat dalam terjemahan Al-Qur'an bahasa Sunda, khususnya dalam surah Al-Baqarah. Hal ini dilakukan untuk memahami bagaimana metafora konseptual digunakan dalam teks terjemahan Al-Qur'an dan bagaimana skema citra membentuk pemahaman pembaca tentang konsep yang abstrak. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah deskriptif dengan pendekatan kualitatif, menggunakan kajian semantik kognitif. Analisis dilakukan dengan teori semantik kognitif mengenai jenis-jenis metafora menurut Lakoff dan Johnson (2013), serta teori mengenai skema citra menurut Cruse dan Croft (2004). Langkah-langkah yang diikuti termasuk tinjauan literatur, pengumpulan data, pengelasan data, analisis data, dan kesimpulan hasil penelitian. Hasil daripada kajian ini menemukan 15 data ungkapan metafora dalam terjemahan Al-Qur'an bahasa Sunda surah Al-Baqarah. Metafora tersebut terbahagi kepada tiga jenis konseptual iaitu metafora struktural, metafora orientasional, dan metafora ontologi. Selain itu, lima jenis skema citra ditemui iaitu identiti, kekuatan, wadah, kewujudan, dan kesatuan dengan dominasi pada skema citra kesatuan dan kewujudan

Konseptual Metafora dalam Rubrik Opini Kompas: Kajian Semantik Kognitif merupakan kajian yang ditulis oleh Baiq Haula dan Tajudin Nur (2019). Kajian ini fokus pada pengungkapan jenis-jenis metafora konseptual dalam penulisan Opini Kompas sepanjang tahun 2018, menggunakan pendekatan semantik kognitif. Tujuan utama dari kajian ini adalah untuk mengidentifikasi dan mengungkap jenis-jenis metafora konseptual yang digunakan dalam rubrik Opini harian Kompas tahun 2018. Penelitian ini bertujuan untuk mendeskripsikan bagaimana metafora konseptual digunakan untuk mengkomunikasikan idea-idea dalam pendapat yang berkaitan dengan topik politik, dengan menekankan pada metafora struktural, orientasional, dan ontologis. Penelitian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan analisis deskriptif. Kaedah pengedaran dan teknik lanjutan Bagi Unsur Langsung (BUL) diaplikasikan untuk mengumpulkan dan menganalisis data. Data dikumpulkan dari rubrik Opini Kompas yang diterbitkan secara maya pada bulan Mac 2018. Analisis difokuskan pada identifikasi metafora dan klasifikasi berdasarkan teori semantik kognitif yang dikembangkan oleh Lakoff dan Johnson, serta skema citra menurut Cruse dan Croft. Hasil penelitian menunjukkan dominasi penggunaan metafora ontologi dalam rubrik opini Kompas dibandingkan dengan metafora struktural dan orientasional. Ditemukan bahawa penulis opini cenderung memindahkan idea-idea abstrak mereka ke dalam benda-benda yang memiliki sifat fisik, menggunakan alam sebagai sumber metafora yang umum (seperti karam, tumbang, sapuan ribut, berladang, dan bertiup). Skema citra yang dominan mewakili konsep

kewujudan, dengan variasi termasuk objek, ruang terbatas, dan kitaran.

Analisis Metafora dalam Novel "Elachia Payanam" karya Manokaran A/L Rengasamy, merupakan sebuah kajian yang bertujuan untuk mengkaji penggunaan metafora dalam novel Tamil. Kajian ini fokus pada cara metafora digunakan untuk menyampaikan idea, budaya, dan nilai-nilai masyarakat Tamil melalui karya sastra. Objektif utama dari kajian ini adalah untuk mengidentifikasi dan menganalisis jenis-jenis metafora yang digunakan dalam novel "Elachia Payanam". Kajian ini juga bertujuan untuk memahami perbezaan interpretasi makna metafora antara penulis novel dan responden, khususnya para guru bahasa Tamil di sekolah menengah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif, dengan menerapkan teori Konseptual Metafora untuk menganalisis jenis-jenis metafora dalam novel. Sejumlah 30 metafora dipilih sebagai sampel utama untuk analisis. Selain itu, kajian ini juga mengeksplorasi perbezaan interpretasi metafora oleh guru-guru Bahasa Tamil sekolah menengah melalui penyelidikan dan wawancara. Hasil dari kajian ini menunjukkan bahawa penulis novel "Elachia Payanam" menggunakan metafora jenis struktural dan ontologi untuk menggambarkan pelbagai aspek dalam novel. Unsur flora dan fauna banyak dijadikan sebagai sumber domain untuk metafora, mencerminkan cara hidup, pemikiran, dan kepercayaan masyarakat Tamil di ladang. Sebanyak 60% interpretasi makna oleh guru-guru adalah tepat, menunjukkan adanya kesesuaian dalam pemahaman konteks, pemikiran, dan budaya yang menjadi dasar perbezaan interpretasi metafora. Kajian ini bertajuk "Metafora Leksikal dan Nilai Budaya dalam Novel Hamka Di Bawah Lindungan Ka'bah," yang ditulis oleh Oktavianus, Ferdinal dan Indirawati Zahid (2024). Kajian ini berfokus pada linguistik dalam karya sastra. Kajian ini bertujuan untuk menyelidik penggunaan metafora leksikal dalam novel tersebut dan bagaimana metafora tersebut membawa serta menggambarkan nilai-nilai budaya yang terkandung di dalamnya. Penggunaan metafora leksikal dalam karya sastra tidak hanya sekadar memperkaya bahasa, tetapi juga menyampaikan nasihat yang mendalam tentang nilai-nilai yang diyakini oleh masyarakat. Oleh kerana itu, kajian ini tidak hanya mengkaji struktur metafora, tetapi juga menganalisis makna yang terkandung di dalamnya. Pendekatan kuantitatif digunakan dalam kajian ini untuk mengetahui penggunaan metafora leksikal dalam novel. Hasil kajian menunjukkan bahawa sebanyak 100 metafora leksikal dikumpulkan dari setiap muka surat novel. Metafora tersebut terbahagi kepada berbagai jenis, termasuk perbandingan kata nama-kata nama, kata nama-kata kerja, kata nama-kata adjektif, kata kerja-kata nama, kata kerja-adverba, dan perbandingan kata adjektif-kata nama. Analisis kualitatif kemudian dilakukan untuk meneliti fenomena metafora, dengan menerapkan teori-teori yang relevan, seperti teori oleh Newmark serta Lakoff & Johnson. Hasil analisis menunjukkan bahawa metafora leksikal dalam novel ini mengandungi makna tersendiri, hiperbola, dan eufemisme. Melalui kajian ini, pemahaman tentang penggunaan metafora dalam sastra untuk menyebarkan nilai budaya semakin meluas. Kajian ini juga menunjukkan peranan bahasa dalam menghidupkan nilai kemanusiaan, serta bagaimana nilai-nilai budaya dapat membentuk dan mendidik sahsiah manusia, terutama di era revolusi industri 4.0 dan 5.0 yang semakin berkembang. Dengan demikian, kajian ini memberikan pandangan yang berharga bagi para pembaca untuk lebih memahami hubungan antara bahasa, sastra, dan budaya.

"Analisis Metafora Berasaskan Bunga dalam Karya Agung Pantun Melayu: Bingkisan Permata Berdasarkan Teori Relevans (TR) dan Rangka Rujuk Silang (RRS)" ditulis oleh Zarina Tajudin (2020). Kajian ini memberi perhatian pada penggunaan bunga sebagai metafora dalam pantun Melayu untuk mengungkapkan nilai estetika, peradaban, pemikiran, dan akal budi masyarakat Melayu, melalui koleksi pantun oleh Harun Mat Piah. Objektif utama kajian ini adalah

untuk mengenal pasti dan menganalisis bagaimana bunga digunakan sebagai simbol atau metafora dalam Pantun Melayu dan bagaimana penggunaan ini mencerminkan nilai-nilai budaya. Kajian ini juga bertujuan untuk menghuraikan penggunaan metafora bunga dalam konteks budaya dan sains dengan menggunakan dua kerangka teori utama: Teori Relevans dan Rangka Rujuk Silang. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis teks pantun dari "Bingkisan Permata" oleh Harun Mat Piah yang merupakan koleksi pantun yang mengandungi unsur bunga sebagai metafora. Sebanyak 222 kuplet pantun dipilih berdasarkan kehadiran metafora bunga dan dianalisis menggunakan Teori Relevans dan Rangka Rujuk Silang. Analisis ini membantu mengenal pasti dan menghuraikan tema-tema yang dikaitkan dengan penggunaan bunga dalam pantun tersebut, pemahaman lebih dalam mengenai bagaimana metafora bunga melambangkan berbagai aspek kebudayaan dan nilai masyarakat Melayu. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa metafora bunga dalam pantun Melayu tidak hanya berfungsi sebagai elemen estetik, tetapi juga sebagai alat komunikasi yang mengandungi makna mendalam dan berlapis yang mencerminkan nilai-nilai peradaban, estetika, dan filosofis masyarakat Melayu. Metafora bunga menggambarkan peribagai tema seperti perasaan, keunggulan, warisan, dan estetika. Kajian ini juga menemukan bahawa penggunaan bunga dalam pantun mencerminkan kehalusan dan kedalaman pemikiran serta nilai-nilai sosial dan budaya yang dihargai dalam masyarakat Melayu. Menurut Azahar Kasim, Mokhtaruddin Ahmad dan Azman Bidin (2020) bertujuan untuk menganalisis penggunaan metafora dalam penulisan berita yang berhubungan dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP) oleh tiga akhbar utama Malaysia iaitu Malaysia kini, Berita Harian, dan Utusan Malaysia. Kajian ini memfokuskan bagaimana metafora digunakan untuk menyampaikan, menegaskan, atau mengkritik kebijakan pemerintah dalam konteks berita strategik. Objektif utama dari kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis penggunaan metafora konseptual dan linguistik dalam pemberitaan mengenai GTP. Kajian ini bertujuan untuk memahami bagaimana metafora membantu dalam membentuk persepsi awam terhadap dasar pemerintah dan menggambarkan pengaruhnya terhadap penerimaan atau penolakan awam terhadap inisiatif kerajaan. Kajian ini menggunakan pendekatan Analisis Wacana Kritis (CDA) dengan fokus pada Analisis Metafora Kritis (CMA). Data diambil dari artikel-artikel yang diterbitkan oleh tiga akhbar atas talian selama tempoh tertentu. Analisis ini melibatkan pengenalpastian dan interpretasi metafora konseptual dan linguistik yang digunakan dalam berita untuk menilai bagaimana naratif tentang GTP dan dasar berkaitan pembinaan dan pembentangan kepada masyarakat. Hasil kajian menunjukkan bahawa wartawan secara aktif menggunakan metafora untuk membingkai naratif sekeliling GTP, menggambarkan program ini sebagai perjalanan atau perang melawan masalah sosioekonomi. Metafora seperti "GTP sebagai enjin pertumbuhan" dan "NKRA sebagai perang terhadap jenayah" digunakan untuk menunjukkan keberhasilan atau kegagalan aspek tertentu daripada dasar tersebut. Ini menunjukkan bahawa pilihan metafora bukan hanya estetik dalam berita tetapi juga secara strategik membentuk persepsi awam dan sokongan agenda organisasi media.

2.2 Kajian Metafora Bersifat Khusus

Menurut Maslida (1999) berkenaan dengan 'Makna bukan literal: Kes Metafora dan Hiperbola' membincangkan bagaimana gaya bahasa metafora dan hiperbola dalam bahasa Melayu dapat diberi penginterpretasian dan pewajaran yang tepat oleh pendengar dengan menggunakan kerangka Teori Relevans. Dalam kajian tersebut, beliau telah menunjukkan bagaimana metafora dan hiperbola muncul secara spontan tanpa perlu diajar dan dipelajari. Interpretasi metafora dan hiperbola melibatkan usaha memproses yang lebih tinggi. Menurut beliau lagi, kes metafora dan

hiperbola merupakan kes yang mengeksploitasikan keserupaan dalam komunikasi secara umum. Dengan kata lain, sesuatu ujaran itu menggambarkan pemikiran penutur. Ujaran boleh berupa deskriptif atau interpretif. Ujaran dapat dinilai sebagai deskripsi kebenaran bentuk-bentuk hubungan dunia atau sebagai interpretasi literal pemikiran lain. Beliau mendapatkan data dengan menggunakan jenis data teks. Seterusnya menganalisis data tersebut dan memberi penginterpretasian terhadap metafora dan hiperbola yang ditemui. Setelah itu, perbincangan mengenai penginterpretasian makna metafora dan hiperbola bahasa Melayu secara khususnya menggunakan kerangka Teori Relevans. Teori Relevans turut menjelaskan bahawa gambaran melalui keserupaan seperti metafora dan hiperbola mempunyai kaitan antara ujaran dengan pemikiran seseorang. Antara contoh data metafora serta analisis data yang telah dilakukan seperti berikut:

- i) Dan akhirnya **tauke-tauke jerung** itu menelan **tauke ikan bilis** yang merangkak- rangkak .
(Dipetik daripada cerpen Baharuddin C.D; Duka Tidak Memanjang 1998)

Pendengar akan memberi gambaran secara linguistik dua interpretasi yang mungkin diperoleh daripada maklumat penutur mengenai (a) ikan jerung dan (b) ikan bilis seperti berikut:

a (i) Ikan yang besar dan kuat.

(ii) Seseorang yang mempunyai kuasa besar dan pengaruh yang kuat b (i) ikan yang kecil dan halus

(ii) Seseorang yang lemah dan tidak berdaya

Implikasi boleh dibuat oleh pendengar daripada ujaran penutur bahawa yang dimaksudkan dengan (a) dan (b) dalam konteks ini merujuk kepada implikasi a(ii) dan b(ii). Interpretasi ini konsisten dengan Prinsip Relevans kerana mempunyai kesan yang cukup dengan usaha yang wajar seperti yang dikehendaki oleh penutur. Ini kerana, interpretasi ini paling jelas berdasarkan konteks tersebut iaitu jerung dan ikan bilis tidak merujuk kepada jenis-jenis ikan tetapi membawa maksud keadaan seseorang yang mempunyai kuasa dan seseorang yang lemah.

Kesimpulannya, dapat dilihat disini bahawa beliau telah mengkaji metafora dan hiperbola dengan memberi penginterpretasian terhadapnya. Beliau telah menggunakan pendekatan Relevans sebagai landasan terhadap kajiannya serta dapat memberi penjelasan terhadap makna metafora dan hiperbola yang dikaji.

2.3 *Kajian Berkaitan Akhbar*

Shahrul Nazmi Sannusi Dan Ong Yi Min (2016) menganalisis strategi pemilihan berita muka depan dua akhbar utama di Malaysia, Berita Harian dan China Press, memfokuskan kepada bagaimana perbezaan budaya dan demografi pembaca mempengaruhi pemilihan kandungan berita. Objektif kajian ini adalah untuk memahami dan membandingkan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan tajuk antara Berita Harian dan China Press. Kajian ini bertujuan untuk mendedahkan bagaimana nilai berita dan kepentingan khalayak mempengaruhi keputusan editorial dalam menentukan berita yang muncul di muka depan. Kaedah yang digunakan adalah kualitatif, menggunakan temu bual mendalam dengan dua orang editor dua akhbar sebagai pemberi maklumat utama. Pendekatan ini membenarkan pengumpulan data yang mendalam tentang cara kedua-dua akhbar menilai dan memilih berita untuk muka depan mereka. Hasil kajian menunjukkan perbezaan yang jelas dalam pemilihan berita antara kedua-dua akhbar tersebut. Berita Harian lebih cenderung memilih berita dengan agenda berkaitan isu nasional, manakala China Press lebih menumpukan isu berkaitan masyarakat Cina.

Kajian Siti Suriani Othman, Liana Mat Nayan, Lee Kuok Tiung Dan Nik Norma Nik Hassan (2018) mengkaji masa depan akhbar Malaysia daripada segi kesan teknologi digital khususnya penggunaan gajet dan media dalam talian dalam penyebaran berita. Kajian ini memfokuskan kepada tindak balas dan strategi akhbar Malaysia dalam menghadapi kemerosotan peredaran cetakan dan peningkatan penggunaan digital. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis strategi akhbar Malaysia untuk menangani cabaran era digital, seperti cara meningkatkan peredaran akhbar bercetak dan populariti akhbar dalam talian. Matlamat kajian ini juga adalah untuk menilai risiko dan peluang gajet dalam konteks kewartawanan. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif melalui temu bual mendalam dengan 11 editor daripada empat akhbar utama Malaysia (Sinar Harian, Berita Harian, Harian Metro, dan Sin Chew Daily). Tujuan temu bual ini adalah untuk memahami pandangan dan strategi editor dalam menangani perubahan persekitaran media.

3. Metodologi dan Kawasan Kajian

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994), metodologi bermaksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya. Metodologi kajian meliputi reka bentuk kajian, kaedah kajian, persampelan kajian, instrumen kajian, prosedur mengumpul data dan cara menganalisis serta mempersembahkan data. Metodologi membantu memahami dengan lebih terperinci tentang pengaplikasian kaedah dengan membuat huraian tentang proses kajian. Metodologi kajian penting dalam sesuatu kajian yang hendak dijalankan terutama sekali dalam mencari sumber rujukan atau sumber kajian lepas dan mencari data yang ingin digunakan bagi tujuan penyelidikan. Metodologi berperanan untuk memberi panduan kepada pengkaji supaya tumpuan kajian akan menjadi lebih mantap dan tepat serta kajian dapat dilakukan dengan baik.

Setelah meneliti kosa ilmu atau kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian ini, tiba masanya untuk meneliti metodologi penyelidikan atau kaedah kajian yang digunakan untuk menjalankan kajian ini. Suatu kajian akan menjadi lebih teratur dengan adanya kaedah kajian yang sesuai digunakan. Terdapat pelbagai kaedah dan teknik seperti reka bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat memperoleh bukti yang mampu menyokong dan mengesahkan teori sesuatu kajian serta memperoleh rumusan terhadap bidang yang dikaji. Dalam bab ini akan memperlihatkan kaedah-kaedah yang digunakan, pengkategorian terhadap data yang telah dikenal pasti serta analisis makna metafora dengan menggunakan kerangka Teori Relevans. Bagi melaksanakan kajian ini secara efektif, metodologi yang dirangka melibatkan hanya dua kaedah kajian sahaja iaitu penyelidikan perpustakaan dan kajian pengutipan data teks. Kaedah pengumpulan data dilakukan melalui kajian teks yang diperoleh daripada akhbar Utusan Malaysia pada ruangan politik. Manakala analisis data pula dijalankan berpanduan penyelidikan perpustakaan dengan mengaplikasikan teori Relevans yang berteraskan konteks dan lebih berkesan dalam menginterpretasi makna.

3.1 Tata Cara Pengumpulan Data

Perkara yang dititikberatkan adalah bentuk kaedah kajian yang digunakan bagi memperoleh konsep mengenai metafora dalam politik, mengeluarkan data daripada kajian teks dan cara menganalisis data. Kajian ini dijalankan berdasarkan prosedur yang telah ditetapkan iaitu melalui langkah-langkah yang teratur, sistematik, terancang dan terarah dalam menjalankan sesuatu kajian. Pengkaji akan menerangkan dua kaedah yang digunakan dalam kajian ini bagi mendapatkan data

kajian. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kajian pustaka dan kaedah pengutipan data teks.

3.1.1 Kaedah Kajian Pustaka

Kajian pustaka merupakan kaedah yang digunakan untuk mengumpul maklumat serta bahan yang berkaitan dengan kajian. Antaranya mencari sumber rujukan, mencari kerangka teori yang sesuai untuk kajian dan mencari sumber kajian-kajian lepas atau kosa ilmu yang berkaitan dengan kajian ini. Maklumat-maklumat diperolehi melalui buku-buku rujukan atau ilmiah, akhbar, artikel, jurnal dan lain-lain yang telah diterbitkan. Penggunaan kaedah ini membolehkan pengkaji untuk meneliti setiap kajian yang pernah dilakukan bagi mendapat maklumat yang lebih mendalam tentang sesebuah topik. Selain itu, kaedah ini juga membantu pengkaji mengenal pasti beberapa penambahbaikan yang dapat dilakukan daripada kajian-kajian lepas. Hal ini dapat menggalakkan pemikiran yang kritis dalam kalangan pengkaji ketika membincangkan tentang sesuatu bidang. Terdapat pelbagai jenis buku, jurnal dan tesis yang telah menggunakan teori Relevans oleh pengkaji lepas. Pengkaji telah menggunakan maklumat dalam kajian-kajian lepas bagi mendapatkan maklumat berkenaan latar belakang metafora dan kategori metafora dengan lebih jelas.

3.1.2 Kaedah Pengutipan Data Teks

Kaedah pengumpulan data digunakan untuk mengumpulkan data sebelum dianalisis. Oleh itu, pengkaji membaca karya teks bukan kreatif iaitu akhbar Utusan Malaysia yang khusus pada ruangan politik bagi mendapatkan data. Pemilihan teks akhbar ini dibuat kerana ia merupakan akhbar terbaik dan menjadi pilihan pembaca di Malaysia. Ayat yang bermetafora akan ditandakan di dalam teks sumber setelah metafora dikenal pasti.

Ayat bermetafora dikenal pasti apabila sesuatu objek atau konsep dihubungkan dengan objek lain. Metafora merupakan bentuk perbandingan tetapi tidak menggunakan perkataan perbandingan seperti bak, bagai, umpama dan sebagainya. Lazimnya juga metafora terdiri daripada dua perkataan yang ringkas, padat dan tersusun di mana satu perkataan bersifat konkrit iaitu menjadi objek untuk difikirkan dan satu lagi bersifat abstrak. Bagi kajian ini metafora akan dikelaskan kepada 'tenor' iaitu objek yang dibanding dan 'vehicle' yang merujuk kepada gambaran perbandingan terhadap 'tenor'. Pengkelasan ini merupakan adaptasi daripada I.A.Richards (1930).

Data yang telah dikenal pasti, dikategorikan dan dianalisis dengan menggunakan teori Relevans. Kerangka teori Relevans merupakan kajian bidang semantik dan pragmatik yang digunakan sebagai dasar dalam penginterpretasian makna metafora dalam kajian ini. Hal ini kerana, bagi memahami metafora adalah lebih mudah sekiranya dilihat secara berkonteks.

3.2 Analisis Data

Kajian ini menggunakan data secara kualitatif dan dianalisis menggunakan teori Relevans. Analisis data dilakukan untuk mempersembahkan data kepada bentuk yang lebih bermakna. Cara data itu dipersembahkan menunjukkan bahawa pengkaji telah menganalisis data yang diperolehi dengan sistematik dan efisien. Proses menganalisis data menggunakan kaedah kajian kualitatif ini digunakan bagi menjawab beberapa persoalan yang terdapat dalam kajian ini. Persoalan-persoalan yang terdapat dalam kajian ini adalah seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1 : Prosedur Menganalisis Data

Langkah	Perincian Langkah yang Digunakan
Langkah 1	Mengenal pasti metafora yang terdapat dalam teks akhbar Utusan Malaysia.
Langkah 2	Mengkategorikan metafora menggunakan pengkategorian yang sesuai.
Langkah 3	Menginterpretasi makna metafora yang digunakan dengan menggunakan teori Relevans.

Penganalisan data dilakukan dengan menggunakan akhbar Utusan Malaysia dalam ruangan Politik bagi melihat penggunaan sesuatu perkataan yang ditulis oleh penulis akhbar tentang politik. Seterusnya, pengkaji menentukan sama ada terdapatnya penggunaan metafora digunakan dalam penulisan akhbar. Jumlah ayat yang mengandungi unsur metafora kemudiannya disenarai pendek oleh pengkaji. Kemudian, pengenpastian tentang ayat yang menggunakan metafora tersebut ditentukan sama ada ianya *tenor* atau *vehicle*.

I.A. Richards(1936) dalam bukunya "*The Philosophy of Rhetoric*" memperkenalkan konsep *tenor* dan *vehicle* sebagai bahagian daripada teorinya tentang metafora. Richards menjelaskan bahawa metafora terdiri daripada dua bahagian utama iaitu *tenor* (subjek utama) dan *vehicle* (gambaran yang digunakan untuk menjelaskan tenor). *Tenor* adalah subjek utama atau idea yang sedang dibicarakan atau dijelaskan dalam metafora. Ia merujuk kepada konsep atau objek yang sebenarnya dimaksudkan oleh penulis atau pembicara. Sebagai contoh, dalam metafora "Dia adalah matahari kehidupanku," "dia" adalah *tenor*, yang merujuk kepada orang yang dibicarakan. Manakala *Vehicle* adalah gambaran atau istilah yang digunakan untuk menjelaskan atau menggambarkan *tenor*. Ia adalah kata atau frasa yang digunakan untuk memberikan makna tambahan atau penjelasan lebih jelas tentang *tenor*. Contohnya, dalam metafora "Dia adalah matahari kehidupanku," "matahari" adalah *vehicle*, yang digunakan untuk menggambarkan kehangatan, kecerahan, atau pentingnya orang tersebut dalam kehidupan pembicara.

Seterusnya, perkataan yang mengandungi unsur metafora yang dipilih akan dianalisis untuk mengetahui makna harfiah metafora tersebut. Manakala penginterpretasian makna dari sudut makna implisit bertujuan mendapatkan makna sebenar secara tersirat dalam metafora tersebut. Penganalisan data diteruskan dengan menggunakan teori Relevans. Pendekatan teori Relevans diaplikasikan dalam menghuraikan setiap ujaran makna metafora berdasarkan akhbar Utusan Malaysia pada ruangan politik. Ujaran metafora dianalisis berdasarkan konteks ujaran, kesan kognitif atau konteks kepada pembaca dan usaha dalam memproses maklumat untuk menginterpretasi ujaran tersebut. Ayat atau maklumat yang terdapat dalam akhbar Utusan Metafora pada ruangan politik mempunyai makna implisit yang terselindung namun masih dapat difahami oleh pembaca. Keseluruhannya, data yang dianalisis oleh pengkaji menjelaskan makna tersirat kepada pembaca.

4. Dapatan dan Perbincangan

Analisis dilakukan berdasarkan pengkategorian yang telah dikenal pasti berdasarkan data yang ditemui dalam akhbar dari ruangan politik. Antara kategori metafora yang digunakan mewakili beberapa konsep iaitu, konsep Kepimpinan, Integriti, Kewangan, Keagamaan, Perpecahan dan sebagainya. Ayat-ayat bermetafora ini dikenal pasti terlebih dahulu sebelum dianalisis. Metafora merupakan satu perbandingan yang dibuat berdasarkan analogi yang berlaku kerana wujudnya ciri-ciri persamaan yang dikongsi di antara objek banding (*tenor*) dan gambaran perbandingan

(*vehicle*). Metafora juga lebih mudah difahami secara berkonteks. Oleh itu, pemilihan kerangka Teori Relevans bagi menginterpretasi makna metafora adalah tepat.

4.1 *Konsep Kepimpinan*

Kepimpinan adalah proses mempengaruhi dan mengarahkan individu atau kumpulan untuk mencapai matlamat bersama. Seorang pemimpin yang baik mempunyai visi yang jelas mengenai masa depan, mampu menginspirasi orang lain, dan berkomunikasi dengan berkesan untuk menggalakkan kerjasama serta menyelesaikan konflik. Integriti yang tinggi dalam tindakan pemimpin membina kepercayaan dan kredibiliti di kalangan pengikutnya. Selain itu, pemimpin bertanggungjawab membuat keputusan bijak dan tepat pada masanya serta mampu memberikan motivasi kepada pasukan untuk bekerja dengan tekun demi mencapai tujuan bersama. Secara keseluruhan, kepimpinan melibatkan kemampuan untuk membimbing, mengarahkan, dan menginspirasi orang lain ke arah pencapaian tujuan yang ditetapkan.

4.1.1 *"PMX cakap..pergi tanya Gabenor, ini yang disebut sebagai 'taichi'"*

Dalam ayat "PMX cakap..pergi tanya Gabenor, ini yang disebut sebagai 'taichi'," pengkaji menganalisis penggunaan metafora 'taichi' dengan lebih mendalam menggunakan teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986). Teori Relevans berpendapat bahawa komunikasi manusia berfungsi melalui dua prinsip asas iaitu prinsip relevans kognitif (maklumat yang diberikan mesti cukup relevan untuk diproses oleh penerima) dan prinsip relevans komunikasi (pengirim berusaha menyampaikan maklumat yang relevan dengan cara yang efisien).

Jadual	2	:	Data	Analisis	<i>Vehicle</i>	'taichi'
Ayat			<i>Tenor</i>		<i>Vehicle</i>	
Gabenor, ini yang disebut sebagai 'taichi'"			Tindakan mengelak atau mengalihkan tanggungjawab		'taichi'	

Taichi atau Tai Chi adalah seni mempertahankan diri dari China yang terkenal dengan gerakan perlahan, halus, dan berterusan. Ia lebih menekankan pada keseimbangan, fleksibiliti, dan penggunaan tenaga lawan untuk mengelak daripada berhadapan secara langsung. Dengan kata lain, dalam taichi, seorang pengamal akan menggunakan kekuatan dan momentum lawan untuk mengelak serangan, bukan untuk menyerang balas secara langsung.

Berdasarkan ayat ini, apabila dikatakan "PMX cakap..pergi tanya Gabenor, ini yang disebut sebagai 'taichi'," penulis ingin menggambarkan tindakan PMX (Perdana Menteri X) yang mengelak daripada memberi jawapan terus dengan mengalihkan pertanyaan atau tanggungjawab kepada Gabenor. Hal ini memberikan gambaran bahawa PMX sedang menggunakan strategi seperti dalam taichi, di mana beliau mengelak daripada berhadapan secara langsung untuk menjawab soalan atau bertanggungjawab dengan cara yang halus dan tidak agresif, mengalihkan perhatian atau tanggungjawab kepada pihak lain.

Penggunaan metafora 'taichi' dalam konteks ini memudahkan pemahaman tindakan PMX kepada pendengar atau pembaca. Hal ini kerana 'taichi' sudah dikenali secara meluas sebagai bentuk seni mempertahankan diri yang berfokus pada elakan dan penggunaan tenaga lawan. Dengan menyamakan tindakan PMX dengan 'taichi', pembaca dapat dengan cepat memahami bahawa PMX sedang mengelak dari menjawab pertanyaan langsung dan memindahkan tanggungjawab kepada orang lain, iaitu Gabenor.

Metafora ini memenuhi prinsip relevans kerana ia menyampaikan maklumat kompleks

dengan cara yang ringkas dan mudah difahami. Ia mengaktifkan skema kognitif mengenai 'taichi' dalam minda pembaca, yang kemudian digunakan untuk mentafsir tindakan PMX secara lebih tepat dan relevan dengan situasi yang dibincangkan. Penggunaan metafora 'taichi' dalam ayat ini bukan sahaja memperkaya bahasa tetapi juga mempermudah pemahaman tindakan PMX dengan cara yang intuitif dan efektif. Dalam teori Relevans, ini adalah contoh bagaimana penulis menyampaikan mesej dengan cara yang sangat relevans dan mudah diproses oleh pembaca menggunakan rujukan budaya yang dikenali ramai untuk menjelaskan tingkah laku atau tindakan yang kompleks.

4.2 Konsep Integriti

Integriti adalah landasan moral yang penting dalam kehidupan seseorang. Ia melibatkan kejujuran, keteguhan prinsip, konsisten, tanggungjawab, dan kepercayaan. Individu yang berintegriti bertindak dengan jujur dan konsisten, memegang teguh kepada nilai moral mereka, dan sentiasa bersedia untuk bertanggungjawab atas tindakan mereka. Melalui integriti yang kukuh, seseorang memperoleh kepercayaan dan kredibiliti di kalangan orang lain, membentuk asas kepada hubungan yang bermakna dan berjaya, sama ada dalam kehidupan peribadi atau profesional.

4.2.1 “Ada yang mengatakan sejak Kerajaan Madani tidak ada apa pun dilakukan, dan sebagai ‘malaun’, (akan mengiyakan) ‘ya benar’. Sebab itu saya sengaja nak ulang kenyataan dan fakta ini (bantuan rakyat)”

Jadual 3 : Data Analisis Vehicle ‘malaun’		
Ayat	Tenor	Vehicle
“Ada yang mengatakan sejak Kerajaan Madani tidak ada apa pun dilakukan, dan sebagai ‘malaun’, (akan mengiyakan) ‘ya benar’. Sebab itu saya sengaja nak ulang kenyataan dan fakta ini (bantuan rakyat)”	Tindakan mempercayai dan mengiyakan kritikan negatif tanpa memeriksa fakta sebenar	'malaun'

Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986) menekankan bahawa komunikasi efektif bergantung pada penyampaian maklumat yang cukup relevan dan mudah diproses oleh pembaca. Dalam ayat ini, *tenor* adalah tindakan mempercayai dan mengiyakan kritikan negatif tanpa memeriksa fakta sebenar, manakala *vehicle* adalah istilah 'malaun', yang digunakan secara sinis untuk menggambarkan individu atau pihak yang mudah menerima dan mengiyakan kritikan tanpa pertimbangan kritis.

Ayat ini bermula dengan menyatakan bahawa ada pihak yang mengatakan sejak Kerajaan Madani berkuasa, tiada apa-apa tindakan yang dilakukan. Hal ini merupakan kritikan langsung terhadap keberkesanan kerajaan. Penulis menggunakan istilah 'malaun' untuk merujuk kepada pihak yang mengiyakan kritikan ini tanpa memeriksa fakta sebenar. 'Malaun' adalah istilah yang membawa makna negatif, digunakan untuk mengkritik mereka yang bersikap tidak kritis atau suka menerima bulat-bulat dakwaan tanpa usul periksa. Istilah ini secara sinis merujuk kepada pihak yang dianggap mudah terpengaruh dengan pandangan negatif, memberi gambaran bahawa mereka tidak bersikap objektif. Penulis kemudian menegaskan bahawa beliau sengaja mengulang kenyataan dan fakta mengenai bantuan rakyat untuk memperbetulkan persepsi ini. Hal ini menunjukkan usaha pembicara untuk menonjolkan realiti dan kebenaran berbanding dakwaan

yang tidak berasas. Dengan mengulangi fakta sebenar, pembicara berusaha untuk mengukuhkan kedudukan kerajaan dan menunjukkan bahawa kritikan tersebut tidak berasas.

Mengikut teori Relevans, komunikasi yang efektif adalah apabila maklumat yang disampaikan adalah relevan dan mudah diproses oleh pembaca. Dengan memberikan penjelasan mengenai bantuan rakyat dan mengulang kenyataan serta fakta, pembicara berusaha untuk memperbetulkan salah faham yang mungkin wujud. Ini adalah usaha untuk memastikan maklumat yang benar dan relevan sampai kepada pendengar, sekaligus menangkis kritikan yang tidak berasas. Kesimpulannya, dalam ayat ini *vehicle* 'malaun' digunakan untuk menggambarkan pihak yang mudah mengiyakan kritikan negatif, manakala *tenor* adalah tindakan atau sifat menerima kritikan tanpa pemeriksaan fakta. Penggunaan metafora ini membantu pembicara menyampaikan mesej dengan cara yang jelas, efektif, dan relevan, sejajar dengan prinsip-prinsip teori Relevans.

4.2.2 “Pada 1 april lalu, tengku zafrul mengumumkan peletakan jawatannya sebagai bendahari UMNO selangor selepas melihat kebangkitan parti berkenaan di negeri itu hambar dan tidak sehaluan dengan tema UMNO pusat.”

Jadual 4 : Data analisis *vehicle* 'hambar dan tidak sehaluan'

Ayat	Tenor	Vehicle
“Pada 1 april lalu, tengku zafrul mengumumkan peletakan jawatannyapolitik di UMNO Selangor. sebagai bendahari UMNO selangor selepas melihat kebangkitan parti berkenaan di negeri itu hambar dan tidak sehaluan dengan tema UMNO pusat.”		"hambar dan tidak sehaluan dengan tema UMNO pusat".

Dalam kenyataan Tengku Zafrul, terdapat dua metafora utama yang digunakan iaitu "hambar" dan "tidak sehaluan dengan tema UMNO pusat". Dalam analisis ini, pengkaji melihat bagaimana kedua-dua metafora ini memberikan gambaran yang mendalam tentang keadaan politik UMNO Selangor.

Metafora "hambar" digunakan untuk menggambarkan kebangkitan parti UMNO di Selangor. Dalam konteks ini, *tenor* adalah keadaan kebangkitan parti, manakala *vehicle* adalah "hambar". Metafora "hambar" membawa makna bahawa usaha kebangkitan parti di Selangor tidak mempunyai semangat, kurang berkesan, dan tidak menarik minat ahli serta penyokong. Hal ini menunjukkan bahawa strategi dan usaha yang dilakukan tidak mencapai hasil yang diharapkan dan tidak mampu menghidupkan kembali semangat parti di peringkat negeri.

Seterusnya, metafora "tidak sehaluan dengan tema UMNO pusat" menggambarkan ketidakserasian antara UMNO Selangor dan UMNO pusat. Dalam kes ini, *tenor* adalah hubungan antara UMNO Selangor dan UMNO pusat, manakala *vehicle* adalah "tidak sehaluan". Metafora ini memberi gambaran bahawa terdapat perbezaan pandangan, visi, dan strategi antara kepimpinan di peringkat negeri dan pusat. Hal ini menandakan wujudnya konflik dalaman yang menghalang kerjasama yang efektif dan menyebabkan perpecahan dalam hala tuju parti.

Menurut teori Relevans, metafora berfungsi dengan baik apabila hubungan antara *tenor* dan *vehicle* memberikan makna tambahan yang relevan kepada pembaca atau pendengar. Dalam kes ini, metafora "hambar" dan "tidak sehaluan" bukan sahaja menggambarkan situasi sebenar, tetapi juga menambah pemahaman kita tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh UMNO Selangor. *Vehicle* "hambar" memberikan gambaran yang jelas tentang kurangnya semangat dan keberkesanan dalam usaha kebangkitan parti, manakala *vehicle* "tidak sehaluan" menunjukkan wujudnya ketidaksefahaman antara kepimpinan negeri dan pusat. Dengan menggunakan metafora ini, Tengku Zafrul berjaya menyampaikan mesej tentang keadaan politik UMNO Selangor

dengan cara yang lebih mendalam dan berkesan. Hal ini memberikan gambaran yang jelas tentang sebab- sebab di sebalik peletakan jawatannya, iaitu kerana kegagalan usaha kebangkitan parti yang tidak bersemangat dan konflik dalaman yang timbul akibat ketidakserasian dengan arahan pusat.

Kesimpulannya, penggunaan metafora dalam kenyataan Tengku Zafrul memperkaya pemahaman kita tentang politik UMNO Selangor. Metafora "hambar" dan "tidak sehaluan dengan tema UMNO pusat berjaya menggambarkan masalah sebenar yang dihadapi oleh parti tersebut, sekaligus memberikan penjelasan yang lebih jelas tentang alasan di sebalik keputusan Tengku Zafrul untuk meletakkan jawatan.

4.3 Konsep Kewangan

Konsep kewangan dalam politik merujuk kepada pengurusan dan peruntukan sumber kewangan oleh kerajaan untuk mencapai matlamat dan dasar awam. Ia melibatkan perancangan belanjawan, kutipan cukai, perbelanjaan kerajaan, serta pengurusan hutang negara. Kecekapan dalam pengurusan kewangan politik memastikan dana awam digunakan secara berhemat dan berkesan, meminimumkan pembaziran, dan mengutamakan kepentingan rakyat. Selain itu, ketelusan dan akauntabiliti dalam kewangan politik adalah penting untuk membina kepercayaan rakyat terhadap pemerintah, memastikan setiap sen yang dibelanjakan memberi manfaat kepada masyarakat dan ekonomi negara secara keseluruhan.

4.3.1 "Katanya, langkah penyasaran subsidi perlu dilakukan supaya negara tidak terus menanggung kerugian berbilion ringgit akibat pengaliran wang ke luar negara kerana rakyat negara jiran 'memunggah' minyak petrol hanya kerana harga petrol lebih murah di negara ini dengan pemberian subsidi"

Jadual 5 : Data Analisis Vehicle 'memunggah'		
Ayat	Tenor	Vehicle
"Katanya, langkah penyasaran subsidi perlu dilakukan supaya negara tidak terus menanggung kerugian berbilion ringgit akibat pengaliran wang ke luar negara kerana rakyat negara jiran 'memunggah' minyak petrol hanya kerana harga petrol lebih murah di negara ini dengan pemberian subsidi"	Tindakan rakyat negara jiran yang mengambil kesempatan dengan membeli minyak petrol bersubsidi di Malaysia.	'memunggah'

Ayat ini bermula dengan menyatakan keperluan langkah penyasaran subsidi untuk mengelakkan kerugian berbilion ringgit yang dialami negara akibat pengaliran wang ke luar negara. Hal ini menunjukkan masalah utama yang ingin disampaikan adalah ketirisan subsidi. Dengan menggunakan istilah 'memunggah', pembicara menggambarkan tindakan rakyat negara jiran yang mengambil minyak petrol dalam jumlah besar. 'Memunggah' biasanya membawa makna mengangkut barang-barang dalam kuantiti yang banyak, memberikan gambaran yang jelas tentang skala masalah ini. Istilah ini membawa konotasi negatif dan dramatik, menggambarkan tindakan yang besar dan berlebihan, sehingga memberikan kesan betapa besarnya isu ini.

Pembicara menegaskan bahawa langkah penyasaran subsidi perlu dilakukan untuk mengelakkan kerugian besar akibat tindakan tersebut. *Tenor* di sini adalah tindakan rakyat negara jiran yang membeli minyak bersubsidi dalam jumlah besar kerana harganya lebih murah di Malaysia. Dengan menekankan fakta bahawa kerugian berbilion ringgit sedang berlaku, pembicara berusaha untuk menunjukkan betapa mendesaknya masalah ini dan perlunya langkah penyasaran subsidi yang lebih berkesan. Pembaca dengan mudah dapat memahami

konotasi yang dibawa oleh istilah 'memungghah'. Perkara ini memudahkan penerimaan mesej bahawa tindakan rakyat negara jiran mengambil minyak bersubsidi adalah dalam skala yang besar dan memberi kesan yang signifikan kepada ekonomi negara.

Dalam ayat ini, *vehicle* 'memungghah' digunakan untuk menggambarkan tindakan rakyat negara jiran yang mengambil minyak petrol bersubsidi dalam jumlah besar. *Tenor* adalah tindakan atau sifat mengambil kesempatan tersebut kerana harga petrol yang lebih murah di Malaysia. Penggunaan istilah ini dalam konteks yang diberikan memenuhi prinsip relevans kerana ia memudahkan pendengar untuk memahami mesej dengan cara yang jelas dan berkesan. Penggunaan metafora 'memungghah' menggambarkan betapa seriusnya tindakan mengambil minyak petrol bersubsidi oleh rakyat negara jiran dalam jumlah yang besar, menyebabkan kerugian besar kepada negara. Dengan ini, pembicara berharap pembaca memahami dan menyokong perlunya langkah penyasaran subsidi untuk mengelakkan ketirisan yang merugikan ekonomi negara.

4.4 Konsep Keagamaan

Konsep keagamaan dalam politik merujuk kepada peranan nilai-nilai dan prinsip-prinsip agama dalam membentuk dasar dan keputusan politik. Ia melibatkan penggunaan panduan moral dan etika yang berasaskan agama untuk mempengaruhi undang-undang, polisi, dan tindakan pemerintah. Keagamaan dalam politik dapat membantu mempromosikan keadilan sosial, integriti, dan kesejahteraan masyarakat. Namun, ia juga menuntut pemisahan yang bijak antara agama dan negara untuk memastikan kepelbagaian kepercayaan dihormati dan hak asasi setiap individu terpelihara. Pemimpin yang menggunakan konsep ini perlu memastikan bahawa keputusan mereka mencerminkan nilai-nilai universal yang boleh diterima oleh semua lapisan masyarakat.

4.4.1 “Islam menganjurkan perubahan dan kemajuan, Islam anjur integriti dan tata kelola yang baik tetapi Islam dibicarakan, apabila kita sebut tata kelola amalan sakau, dia sangsi.”

Dalam ayat tersebut, terdapat perbincangan yang menyentuh pada perbezaan antara pandangan positif mengenai ajaran Islam yang menggalakkan perubahan, kemajuan, integriti, dan tata kelola yang baik dengan sikap sangsi apabila Islam disebutkan dalam konteks amalan sakau.

Jadual 6 : Data analisis *vehicle* ‘tata kelola amalan sakau’

Ayat	<i>Tenor</i>	<i>Vehicle</i>
nganjurkan perubahan dan kemajuan, Islam anjur integriti dan tata kelola yang baik tetapi Islam dibicarakan, apabila kita sebut tata kelola amalan sakau, dia sangsi.”	Perbezaan antara dua persepsi yang bertentangan mengenai Islam	elola amalan sakau’

Tenor ayat itu menekankan perbezaan antara dua persepsi yang bertentangan mengenai Islam. Di satu pihak, Islam dipandang sebagai agama yang menganjurkan nilai-nilai positif seperti perubahan, kemajuan, integriti, dan tata kelola yang baik. Namun, di pihak lain, terdapat kecurigaan atau ketidakpercayaan terhadap Islam apabila disebutkan dalam konteks amalan yang bertentangan dengan nilai-nilai tersebut. *Vehicle* dalam ayat tersebut, iaitu "tata kelola amalan sakau", digunakan untuk menyorot situasi di mana Islam digunakan sebagai rujukan dalam konteks amalan yang bercanggah dengan nilai-nilai yang diajar dalam agama. Imej ini

mencetuskan gambaran tentang amalan yang tidak bermoral, tidak sah, dan bertentangan dengan ajaran Islam.

Istilah sebenar untuk "tata kelola amalan sakau" adalah "pengurusan atau tatacara amalan yang tidak bermoral atau melanggar undang-undang". Istilah "sakau" merujuk kepada penggunaan dadah terlarang, yang dalam konteks ini, menyiratkan amalan yang bercanggah dengan nilai-nilai masyarakat dan undang-undang. Jadi, dalam konteks yang lebih formal, ia boleh dirujuk sebagai "pengurusan atau tata kelola amalan yang melanggar undang-undang atau tidak bermoral".

Apabila mengaplikasikan teori Relevans dalam analisis ini, dapat dilihat bagaimana perbincangan tentang perbezaan persepsi terhadap Islam menjadi relevan dalam konteks masyarakat yang dihadapi dengan dilema antara keyakinan agama dan realiti sosial yang dihadapi. Pembicaraan ini memainkan peranan penting dalam memahami kompleksiti hubungan antara agama dan masyarakat, serta mencari penyelesaian yang sesuai dalam menangani isu-isu sosial yang berkaitan dengan agama dan nilai-nilai moral. Dengan menggunakan teori Relevans ini, pembicaraan mengenai perbezaan pandangan mengenai Islam dalam konteks amalan sakau menjadi lebih bermakna dan dapat memberikan pencerahan kepada masyarakat tentang nilai-nilai agama dan cara menghadapi cabaran sosial yang kompleks.

4.5 Konsep Kejujuran

Konsep kejujuran dalam politik merujuk kepada keterbukaan, ketelusan, dan keikhlasan pemimpin dalam tindakan dan komunikasi mereka dengan rakyat. Pemimpin yang jujur berpegang pada prinsip kebenaran, menghindari penipuan, dan tidak menyembunyikan fakta yang penting daripada orang awam. Kejujuran ini membina kepercayaan dan kredibiliti, memastikan keputusan yang diambil berasaskan kepada fakta dan keadilan. Dalam politik, kejujuran adalah asas kepada hubungan yang sihat antara pemerintah dan rakyat, dan penting untuk mewujudkan kerajaan yang bertanggungjawab dan berintegriti.

4.5.1 Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) mendakwa pendaftaran automatik melalui sistem Pangkalan Data Utama (PADU) tidak ubah seperti cuba 'mencuri' dan 'merompak' maklumat rakyat.

Teori relevans oleh Sperber dan Wilson (1986) menekankan bahawa komunikasi efektif bergantung pada penyampaian maklumat yang cukup relevan dan mudah diproses oleh pembaca. Berikut adalah analisis ayat tersebut:

Jadual 7 : Data analisis *vehicle* 'mencuri dan merompak'

Ayat	Tenor	Vehicle
Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) mendakwa pendaftaran automatik melalui sistem Pangkalan Data Utama (PADU) tidak ubah seperti cuba 'mencuri' dan 'merompak' maklumat rakyat.		
Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) tentang pendaftaran automatik melalui sistem Pangkalan Data Utama (PADU).		

Tenor ayat ini ialah dakwaan yang dibuat oleh Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) tentang pendaftaran automatik melalui sistem Pangkalan Data Utama (PADU). Manakala *Vehicle* dalam ayat ini ialah penggunaan imej 'mencuri' dan 'merompak' untuk menggambarkan tindakan pendaftaran automatik melalui PADU. Hal ini merujuk kepada perlakuan yang dipandang negatif dan tidak beretika, yang menimbulkan persepsi bahawa maklumat rakyat diambil tanpa kebenaran atau persetujuan mereka. Dalam konteks ayat tersebut, teori relevans dapat dilihat melalui analisis kesesuaian imej yang digunakan dengan konteks situasi.

Penggunaan imej 'mencuri' dan 'merompak' secara langsung membangkitkan imej tindakan yang tidak bermoral dan tidak sah. Hal ini adalah relevan secara kognitif kerana membawa konotasi negatif yang kuat, dapat mempengaruhi persepsi pembaca terhadap tindakan pendaftaran automatik melalui PADU. Dengan menggunakan teori Relevans ini, pengkaji dapat melihat bahawa pembicaraan tentang dakwaan Gerakan terhadap pendaftaran automatik melalui PADU adalah relevan dalam konteks situasi yang memerlukan pemahaman tentang kesan dan implikasi tindakan tersebut. Perkara ini membantu pendengar atau pembaca memahami pandangan atau penilaian Gerakan terhadap tindakan kerajaan, memastikan maklumat yang relevan dan penting disampaikan dengan jelas dalam kontroversi yang timbul.

5. Rumusan Dan Cadangan

Kesimpulannya, kajian ini mengkaji penggunaan metafora dalam teks politik di akhbar Utusan Malaysia menggunakan teori Relevans. Tujuannya adalah untuk mengenal pasti, mengkategorikan, dan menginterpretasi makna metafora yang merangkumi perumpamaan, perbandingan, kiasan bidalan, simpulan bahasa, peribahasa, pepatah dan personifikasi. Hasil kajian menunjukkan bahawa metafora membantu pembaca memahami situasi politik dalam konteks pragmatik.

Bagi memperkukuh penulisan, disarankan untuk menambahkan analisis perbandingan dengan kajian lepas dan menyertakan kajian kes tambahan untuk memperkuat hasil dapatan. Pendekatan metodologi juga perlu lebih komprehensif dengan menggabungkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif serta menggunakan teknik analisis seperti analisis wacana kritis. Melibatkan sumber data dari pelbagai jenis akhbar dan media digital akan memberikan pandangan yang lebih menyeluruh. Penerapan teori tambahan seperti Teori Semantik Kognitif atau Teori Wacana dapat memberikan dimensi analisis yang lebih mendalam, dan menggabungkan Teori Relevans dengan teori lain dapat memperkaya interpretasi makna metafora. Dalam aspek praktikal, penting untuk memperbaiki cara penggunaan metafora dalam penulisan politik agar maklumat yang disampaikan lebih jelas dan berkesan serta meninjau pengaruh metafora dalam pembentukan opini publik dan kebijakan politik. Dengan penambahbaikan ini, kajian akan menjadi lebih mantap dan memberikan sumbangan signifikan dalam bidang linguistik dan komunikasi politik.

Rujukan

Haula, B., & Nur, T. (2019). Konseptualisasi Metafora Dalam Rubrik Opini Kompas Kajian Semantik Kognitif. *RETORIKA: Jurnal Bahasa, Sastra, Dan Pengajarannya*, 12(1), 25. I.A. Richards Dalam Bukunya "*The Philosophy Of*

- Rhetoric*" (1936)
- Kamaruddin Hj. Husin. (1995). *Laras Bahasa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Disrtibutors Sdn. Bhd
- Kamus Dewan. (1994). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kasim, A., Ahmad, M., & Bidin, A. (2020). Metafora Dalam Penulisan Berita Strategik Terhadap Program Transformasi Kerajaan (GTP). *International Journal Of Humanities, Philosophy And Language (IJHPL)*.
- Lakoff, J. And Johnson, M. (2003). *Metaphors We Live By*. London: The University Of Chicago Press
- Maniyamin Hj. Ibrahim (2006). Memahami World View Orang Melayu Melalui Bahasa Metafora. *Jurnal Dewan Bahasa*, 42 (5):388-392
- Maslida Yusuf. (1999). Makna Bukan Literal: Kes Metafora Dan Hiperbola. *Jurnal Dewan Bahasa*. 43 (1):4-10.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1991). Keimplisitan Ujaran: Satu Analisis Teori Relevans. *Jurnal Dewan Bahasa*. 35(6):474-483.
- Oktavianus, O., Ferdinal, F., & Zahid, I. (2024). Metafora Leksikal Dan Nilai Budaya Dalam Novel Hamka Di Bawah Lindungan Ka'bah. *Pertanika Journal Of Social Sciences & Humanities*, 32.
- Othman, S. S., Nayan, L. M., Tiung, L. K., & Hassan, N. N. N. (2018). Masa Hadapan Akhbar Malaysia Dalam Masyarakat Jaringan. *JK-MJC: Jurnal Komunikasi–Malaysian Journal Of Communication*, 34(4).
- Sannusi, S. N., & Min, O. Y. (2016). Strategi Pemilihan Berita Halaman Hadapan Akhbar Berbahasa Melayu Dan Cina: Kajian Terhadap Berita Harian Dan China Press. *Jurnal Melayu*, 15(1).
- Utusan. (2024, May 22). Politik Malaysia dan cabaran semasa. *Utusan*. <https://www.utusan.com.my/category/nasional/politik/page/29/>
- Zakiah, S. N., & Nur, T. (2021). Ungkapan Metaforis Teks Terjemahan Al-Qur'an Bahasa Sunda Surat Al-Baqarah: Analisis Semantik Kognitif. *Literasi: Jurnal Ilmiah Pendidikan Bahasa, Sastra Indonesia Dan Daerah*, 11(1), 18-29.
- Zarina Tajudin. (2020). Analisis Metafora Berasaskan Bunga Dalam Karya Agung Pantun Melayu: Bingkisan Permata Berdasarkan Teori Relevans (Tr) Dan Rangka Rujuk Silang (Rrs). Universiti Pendidikan Sultan Idris.